




1. JAWATAN	: JURURAWAT KANAN (PERGIGIAN)
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN PERKHIDMATAN PERGIGIAN KEMENTERIAN KESIHATAN
BAHAGIAN	: III
TANGGAGAJI	: M.9 EB.10 (\$2,035 - \$3,030 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Sijil Jururawat Am Pergigian.
2. a) i) Diploma in Dentistry atau kelulusan sebanding.
ii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Jururawat (Pergigian) atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji M.7 tidak kurang dari 7 tahun.


ATAU

- b) Bagi yang tidak mempunyai Diploma, hendaklah telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Jururawat (Pergigian) atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji M.7 tidak kurang dari 10 tahun.
3. Lulus peperiksaan kenaikan pangkat.
4. Sijil-Sijil yang diperolehi mestilah berdaftar dengan Lembaga Kejururawatan Brunei (BNB).
5. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan atau di sepanjang perkhidmatannya bagi yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JURURAWAT KANAN (PERGIGIAN):

1. Bertanggungjawab kepada Pegawai yang kanan di bahagian tempat bertugas dalam menjalankan tugas klinikal atau pentadbiran.
2. Memastikan dasar-dasar kejururawatan serta amalan perawatan dijalankan dengan teratur, selamat dan sistematik.
3. Menyelia, membimbing, membantu dan menunjuk ajar Jururawat (Pergigian) dan Jururawat Pelatih (Pergigian) bagi memastikan pengendalian, penjagaan kesihatan dan perawatan pesakit dilaksanakan dengan teratur, selamat dan berkesan.
4. Bertugas dan bertanggungjawab kepada Jururawat-Jururawat Pergigian di klinik-klinik pergigian sekolah / pusat-pusat / klinik-klinik kesihatan / hospital atau menyertai program-program promosi kesihatan mulut mengikut keperluan jabatan.
5. Bertanggungjawab dalam membuat jadual bertugas Jururawat-Jururawat Pergigian semasa cuti sekolah dan menyelaraskan dan menyelesaikan sebarang masalah yang berbangkit jika ada jururawat yang mengambil cuti kecemasan dan cuti sakit.
6. Membuat rawatan klinikal di bawah skop rawatan yang dibenarkan bagi kanak-kanak yang berumur 17 tahun ke bawah.
7. Membuat rawatan klinikal bagi skop Juruhigin dan Juruterapi Pergigian untuk pesakit dewasa dan tampalan dewasa bagi yang mempunyai kelulusan dalam skop Juruhigin dan Juruterapi sahaja.
8. Memastikan penggunaan dan pemeliharaan peralatan-peralatan pergigian dijalankan dan dikendalikan dengan teratur, bahan-bahan dan peralatan-peralatan pergigian didalam simpanan mencukupi dan dalam keadaan baik dan tidak mansuh.
9. Memberi kaunseling, tunjuk ajar dan nasihat tentang penjagaan kesihatan mulut kepada murid-murid sekolah, ibu-ibu mengandung, ibubapa, penjaga kanak-kanak serta orang ramai.
10. Merujuk masalah rawatan pergigian yang diluar keupayaan kepada Pegawai Jururawat / Pegawai Pergigian.



11. Menyediakan catatan harian dan bulanan untuk kegunaan statistik bagi keperluan Jabatan dan Kementerian.
12. Bagi Jururawat Pergigian yang mempunyai kompetensi :
 - i. Mengambil Radiografi (X-ray) gigi dan mencalak gigi 'impression' untuk keperluan pesakit dewasa.
 - ii. Membuat rawatan 'pulpotomy' dan rawatan 'stainless steel crown' bagi kegigian susu.
13. Penggunaan anestetik setempat, *Infiltrasi* dan *Regional* didalam pergigian tertentu.
14. Membuat sapuan varnish berfluorida dan memuat rawatan pengapan fisur.
15. Memberikan ceramah bagi pembelajaran berterusan Jururawat (Pergigian) bila diperlukan.
16. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.